

1976

ALOR STAR, 18 SEPT (BERNAMA) -- PUSAT PEMERIKSAAN KASTAM DAN IMIGRESYEN DI CHANGLON AKAN DIPINDAHHKAN LEBIH DEKAT DENGAN SEMPADAN MALAYSIA THAI DI BUKIT KAYU HITAM TIDAK LAMA LAGI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

LANGKAH TERSEBUT IALAH UNTUK MENENTUKAN PEMERIKSAAN YANG LEBIH BERKESAN DAN CEKAP TERHADAP PENYULUDUPAN DAN MEREKA YANG INGIN MASUK KE NEGARA INI SECARA HARAM, TEGAS BELIAU.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN AKAN JUGA MENGETATKAN LAGI PEMERIKSAAN DI SEMPADAN MALAYSIA-THAI TERUTAMA DI KEDAH DAN PERL S.

RONDAAN-RONDAAN SEMPADAN, RONDAAN BERGERAK DAN PEMERIKSAAN DI PUSAT-PUSAT PEMERIKSAAN AKAN DIPERHEBATKAN DI SEPANJANG SEMPADAN TERSEBUT.

KERAJAAN AKAN JUGA MEMASANG PAGAR DI SEMPADAN DI CHUPING BAGI MENGATASI ROMPAKAN BERSENJATA DAN KEMASUKAN ORANG-ORANG SECARA HARAM, TAMBAH DR. MAHATHIR. 24

PAGAR DURI YANG AKAN DIRENTANG KIRA-KIRA 10 BATU AKAN MENELUK BELANJA KIRA-KIRA \$9 JUTA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI SELEPAS MENEMUI PARA PEMIMPIN PEMUDA UMNO KEDAH DI SINI. - BERSAMBUNG 1734/HS

££

B593

MAHATHIR-SELUDUP 2 ALOR STAR

KATANYA, LANGKAH MENGETATKAN KAWALAN DI SEMPADAN ITU DIPUTUSKAN OLEH DUA JAWATANKUASA KABINET MENGENAI BARANG-BARANG KEPERLUAN DAN DADAH BAHAYA.

KEPUTUSAN ITU DIBUAT BERIKUTAN LAPURAN MENGENAI KEGIATAN MENYELUDUP YANG SEMAKIN MENINGKAT DAN BERTAMBAH RAMAINYA ORANG YANG MASUK KE NEGARA INI SECARA HARAM MELALUI SEMPADAN TERSEBUT.

KERAJAAN MENGAMBIL PERHATIAN BERAT TERHADAP KEADAAN INI DAN AKAN MENJALANKAN APA JUA TINDAKAN UNTUK MEMENTANG KEGIATAN ITU, TAMBAHNYA. - BERNAMA 1740/HS